

PENGARUH APLIKASI TIKTOK TERHADAP KEHIDUPAN SOSIAL REMAJA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Hanis Aqilah Binti Aman Shah¹
Hannan Afifah Binti Mohd Nor²
Nurul Asyiqin Binti Zainal³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah (USIM), Malaysia, (E-mail: hanisaqlh@usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah (USIM), Malaysia, (Email: hannanafifah_mnor@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah (USIM), Malaysia, (E-mail: nurul_asyiqin@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: *TikTok adalah sebuah aplikasi pembuatan video yang berdurasi pendek diiringi dengan pelbagai muzik yang menarik dan sangat disukai oleh masyarakat terutamanya dalam kalangan remaja. Walaupun begitu, terdapat kesan positif dan negatif yang dapat diperolehi dalam kandungan video dengan kehidupan sosial remaja pada masa kini. Gaya kehidupan remaja akan berubah bergantung dengan kebijaksanaannya dalam menggunakan aplikasi tiktok sama ada diambil dari kegiatan-kegiatan positif atau sebaliknya yang boleh menyebabkan terpesong dari syariat Islam yang sebenar. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui seberapa besar pengaruh aplikasi TikTok terhadap kehidupan sosial remaja pada masa kini menurut perspektif Islam. Jenis kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam kaedah pemerhatian dan perpustakaan untuk mendapatkan data yang valid dan mendalam mengenai permasalahan di dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi TikTok terhadap kehidupan sosial masyarakat pada masa kini terlalu besar dan luas sekali, terutama sekali golongan remaja. Kesimpulannya, aplikasi TikTok dapat mempengaruhi kehidupan sosial remaja sehingga menyebabkan ketagihan dan ikutan sama ada ia membawa kepada perkara yang baik ataupun yang buruk. Oleh itu, aplikasi TikTok perlu digunakan dengan sebaiknya iaitu mengelakkan daripada menyalahgunakannya ke arah perkara yang tidak berfaedah. Jadi, perkara ini perlu diambil perhatian terutamanya oleh ibu bapa supaya memantau tingkah laku anak-anak dan meneliti sumber yang mempengaruhi kehidupan sosial anak-anak.*

Kata Kunci: *Pengaruh, TikTok, Remaja, Islam*

1.0 Pendahuluan

Pada era globalisasi yang seiring dengan kemajuan teknologi, banyak aspek yang mempengaruhi kehidupan sosial masyarakat terutamanya dalam penggunaan rangkaian internet. Hal ini kerana dilihat internet merupakan satu kemudahan yang membolehkan seseorang itu untuk berhubung dan mendapatkan maklumat dengan cepat dan mudah melalui telefon pintar. Kemudahan pada masa kini yang kian berkembang juga memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan hiburan yang menarik dengan menggunakan platform media sosial yang seringkali digunakan seperti Facebook, Instagram, TikTok dan lain-lain lagi. Perubahan ini akan memberi kesan kepada peribadi seseorang sama ada cenderung ke arah positif atau negatif dalam masa yang sama dapat diketahui seseorang itu memanfaatkan media sosial itu dengan sebaiknya ataupun tidak.

Dalam kajian ini berfokuskan pada penggunaan aplikasi TikTok terhadap kehidupan sosial remaja masa kini menurut perspektif Islam. Aplikasi TikTok banyak digunakan dari berbagai golongan umur terutamanya para remaja. Tambahan lagi, remaja zaman kini mempunyai sikap ingin mencuba melakukan sesuatu perkara baharu dan sesuai dengan keinginan mereka. Aplikasi tiktok merupakan platform media sosial yang memuatkan video pendek disertakan dengan muzik untuk membolehkan seseorang berkongsi pelbagai maklumat seperti masakan, pembelajaran, ilmu-ilmu agama dan banyak lagi. Hal ini akan memberikan impak yang positif kepada tontonan pengguna Tiktok yang mengambil manfaat dan pelajaran daripadanya. Namun begitu, terdapat segelintir remaja menggunakan aplikasi TikTok secara berlebihan iaitu mereka berkongsi perkara-perkara yang tidak sepatutnya dijadikan tontonan sehingga menjadikan TikTok sebagai medium yang berpengaruh negatif dan tidak sesuai dari ajaran Islam.

Kehidupan sosial remaja berkait rapat dengan apa yang dilakukan dalam kehidupan seharian sepertimana mereka dalam menggunakan aplikasi TikTok dengan bijak. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengetahui seberapa besar pengaruh aplikasi TikTok terhadap kehidupan sosial remaja pada masa kini menurut perspektif Islam.

2.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif. Kajian ini berasaskan kajian kepustakaan dengan mengumpulkan dan menganalisis dokumen-dokumen yang lepas seperti artikel, jurnal dan kajian ilmiah untuk mendapatkan data yang terperinci mengenai tajuk kajian. Creswell (2005), menjelaskan penyelidik dapat memahami lebih mendalam tentang proses dan bentuk-bentuk suatu amalan apabila menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji dapat memperolehi banyak maklumat bagi mencapai objektif kajian. Pendekatan kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan mengetahui pengaruh aplikasi TikTok terhadap kehidupan sosial remaja menurut perspektif Islam.

3.0 Objektif Kajian

1. Untuk melihat pengaruh positif terhadap kehidupan sosial remaja dalam menggunakan aplikasi TikTok.
2. Untuk mengkaji pengaruh negatif terhadap kehidupan sosial remaja dalam menggunakan aplikasi TikTok.
3. Untuk mengetahui pandangan Islam dalam menggunakan aplikasi TikTok di kalangan remaja.

4.0 Kajian Literatur

TikTok merupakan pembentukan karakter dan identiti sosial yang melekat pada diri seseorang, terutama para remaja dalam mencari 'jati diri'. Dibandingkan dengan remaja pada generasi 90-an, remaja era teknologi lebih banyak teracun dengan dunia digital. Demam TikTok dikalangan remaja tentunya memiliki sisi yang positif dan negatif. Bagi pengguna lama, mereka sebenarnya tidak hanya menggunakan aplikasi TikTok sahaja pada ketika itu tetapi mereka juga menggunakan sejenis aplikasi Dubsplash, Musically, Smule, Like dan sebagainya. Sedangkan untuk penggunaan baru mereka lebih fokus dan memilih TikTok kerana banyak publik *figur* yang menggunakan aplikasi ini pada era ini. (Zidah A. Rizqillah & Akhiyat, 2021)

Sejak kebelakangan ini, media yang banyak digemari oleh anak muda pada masa kini adalah media sosial TikTok yang berfokuskan pada video pendek. Aplikasi TikTok ini memiliki *special effect*, *sound effect*, lagu yang unik dan menarik yang dapat digunakan oleh penggunaanya dengan mudah. Trend penggunaan TikTok dimulai dari video tutorial, sehingga video challenge, bahkan ada juga untuk pemasaran suatu produk. Menurusi aplikasi ini, remaja dapat meningkatkan populariti dan keyakinan diri melalui video yang dibuatnya. Ia juga mampu merangsang pemikiran untuk menimbulkan atau melahirkan keserasian itu sendiri. Penggunaan tiktok adalah tempat untuk mereka mengeksperasikan diri ketika berkomunikasi. Jadi, hal ini merupakan tindakan yang wujud sebagai bentuk gerakan dan ucapan dalam mencintai diri sendiri. (Nuning Indah Pratiwi, 2021) (Dila Mayang Sari, 2021) (Dwi Putri Robiatul Adawiyah, 2020) (Serli. R, 2021)

Menurut Tuty Mutiah (2022), pada era fenomena ini, aplikasi yang semakin maju dari segi perkembangan internet salah satunya adalah aplikasi TikTok. Aplikasi ini menjadi pusat kedua setelah aplikasi WhatsApp dan ia mulai popular ketika pandemik Covid-19 melanda di seluruh negara termasuk di Malaysia. Oleh itu, aplikasi ini menjadi peranan yang penting sewaktu pandemik kerana ia mengalami lonjakan dan kenaikan populariti yang cukup pesat. Bermula daripada kalangan remaja, orang dewasa, bahkan kanak-kanak juga sangat suka dengan aplikasi ini (Agus Dwi Prakoso, 2020). Akan tetapi ianya tidak selalu menjadikan hal yang baik kepada pengguna. Hal ini kerana aplikasi ini boleh diakses pelbagai peringkat umur dan tidak ada pembatasan setiap konten-konten yang dibuat. Jadi, ini boleh membahayakan para remaja di bawah umur yang melihat konten-konten negatif.

Seterusnya, aplikasi TikTok menjadi perbincangan hangat dan banyak diminati oleh pelbagai jenis peringkat umur. Aplikasi ini memberikan '*Special Effect*' yang unik dan menarik yang dapat digunakan oleh penggunaanya dengan mudah seperti membuat video pendek dengan hasil yang baik. Tambahan pula, paling banyak menggunakan aplikasi ini ialah daripada kalangan remaja. Sepertimana yang diketahui pada masa kini, para remaja menggunakan aplikasi ini adalah untuk mengeksperasikan apa yang ada di dalam diri mereka iaitu menerusi video-video yang dilakukan sama ada secara individu atau beramai-ramai bersama rakan, keluarga dan sebagainya (Fredick, 2018) (Khairana Filzah Faradis, 2021).

Menurut Syazrin Dariyah (2022), pengaruh aplikasi TikTok ini sangat besar di seluruh dunia, kerana ia merupakan aplikasi yang disukai dan popular di pelbagai kalangan. Akan tetapi kemudahan akses tidak selalu menjadi hal yang baik. Semua orang diberi kemudahan untuk membuat atau mendapatkan hiburan berupa video-video yang hebat dan menarik. Namun disebabkan tidak ada pembatasan, aplikasi ini boleh diakses daripada pelbagai umur bahkan kanak-kanak juga turut menggunakannya. Hal ini memberi unsur negatif yang boleh membahayakannya jika mereka terlibat dan tidak dipantau dengan baik (Nabila Ghaisani, 2021). Dari segi unsur positif, aplikasi ini begitu banyak manfaat dan pelajaran yang boleh diambil dari video-video tersebut. Oleh itu, aplikasi TikTok ini juga dapat dijadikan sebagai media penurunan tahap stress di era pandemik Covid-19 dengan hanya membuat konten video.

Walaupun bagaimanapun, media sosial adalah istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada bentuk media baru yang melibatkan penyertaan interaktif. Dengan peningkatan teknologi digital dan mudah alih, interaksi secara besar-besaran ia menjadi lebih mudah untuk individu berbanding sebelum ini dan lahirlah era media baharu di mana interaktiviti diletakkan di tengah-tengah fungsi media baharu (Manning, 2014). Perkembangan pesat teknologi maklumat dan mengubah cara mereka berinteraksi manusia, yang sebelum ini hanya boleh dilakukan secara bersemuka muka tetapi kini boleh dilakukan melalui media sosial (Soraya, (2019).

Menurut Bulele & Wibowo (2020). Kandungan TikTok boleh dikategorikan kepada kandungan hiburan yang boleh dalam bentuk video lucu, seni atau petua. Kategori seterusnya iaitu pendidikan seperti pengetahuan atau kemahiran. Kategori ketiga atau terakhir ialah pemasaran kandungan yang kemudiannya akan menunjukkan daya tarikkannya memujuk seseorang untuk membeli, menggunakan atau mencuba barangan atau perkhidmatan yang dipasarkan. Aplikasi ini sangat popular dengan remaja, kanak-kanak kecil, malah kepada orang ramai orang dewasa yang merasakan keperluan untuk hiburan (Hariansyah, 2018).

5.0 Definisi Istilah

1) Pengaruh

Pengaruh ditakrifkan sebagai kuasa orang atau benda terhadap orang atau benda lain, serta kekuatan dalaman yang memberi kesan kepada orang lain (Zaleha Bte Yaacob, 2010). Selain itu, istilah "pengaruh" merujuk kepada situasi di mana terdapat hubungan dua hala, atau hubungan antara pemberi pengaruh dan yang dipengaruhi. Pengaruh yang digunakan dalam kajian ini juga adalah sesuatu yang berlaku akibat keadaan persekitaran (Hasmah Binti Ibrahimi, 2014). Dalam hal ini, pengaruh lebih cenderung untuk diarahkan kepada apa sahaja yang boleh menyebabkan seseorang untuk berubah menjadi lebih baik. Sebagai contoh, seseorang akan berubah menjadi lebih baik jika pengaruh ini positif manakala jika pengaruh itu negatif maka seseorang itu akan berubah ke arah yang lebih negatif. Menurut Albert R. Roberts & Gilbert, pengaruh ialah wajah kuasa yang diperolehi oleh manusia pada masa kini dan tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan.

2) Aplikasi TikTok

Aplikasi merupakan sejenis teknologi media berasaskan internet yang menggunakan laman web media sosial. Pengguna boleh menghubungi sesiapa sahaja di seluruh dunia. Aplikasi ialah perisian dalam talian yang membolehkan pengguna berkongsi dan mencipta bahan dengan mudah. Komuniti hari ini menggunakan aplikasi seperti TikTok untuk berkongsi dan mencipta idea di media sosial. Aplikasi Tiktok ini membolehkan pengguna mencipta video pendek dengan bantuan muzik serta aplikasi ini amat disukai oleh pengguna dewasa dan muda (Agis, Dwi Prakoso, 2021). Pada mulanya, sejarah aplikasi ini tidak menggunakan istilah TikTok tetapi direkodkan di bawah nama yang berbeza iaitu Douyin. Sebuah perniagaan Cina dengan nama ByteDance mengeluarkan aplikasi Douyin atau dikenali TikTok pada September 2016 dan dalam tempoh setahun, seramai 100 juta orang telah memuat turun aplikasi ini (Muhammad Qayyim bin Khaidir, Khazri Osman, 2022).

3) Kehidupan Sosial

Definisi sosial merujuk kepada masyarakat dan penyertaan remaja dalam masyarakat tercermin dalam kehidupan sosial mereka. Sistem sosial remaja adalah nama lain bagi sistem kehidupan

bermasyarakat yang merangkumi ahlinya iaitu golongan remaja. Dalam sistem sosial, sekurang-kurangnya perlu ada orang yang berkumpul di satu kawasan atau garis panduan yang mengawal interaksi mereka (Takum Abdul Rohim). Manusia sentiasa berinteraksi secara sosial dengan orang lain atau kumpulan tertentu dalam kehidupan seharian. Interaksi sosial digunakan untuk menggambarkan interaksi interpersonal antara kumpulan. Malah, interaksi yang sering dilakukan dalam kehidupan dapat mewujudkan corak perhubungan yang mempunyai kesan antara satu sama lain untuk mewujudkan sistem sosial dalam masyarakat (Poerwanti Hadi Pratiwi). Menurut John J. Macionis, kehidupan sosial ialah satu proses di mana orang bertindak dan bertindak balas dalam hubungan dengan orang lain. Jadi, interaksi sosial ialah hubungan timbal balik antara dua orang atau lebih di mana pemikiran, pendapat, dan tindakan seseorang mempunyai kesan ke atas perubahan, peningkatan atau sebaliknya kepada orang lain.

4) Remaja

Masa remaja biasanya dianggap sebagai peringkat yang berlangsung dari masa seseorang mencapai akil baligh sehingga mereka mencapai usia dewasa. Ia adalah masa peralihan dari zaman kanak-kanak kepada kematangan. Selain itu, perkataan Latin "adolescere" yang membawa maksud "membesar" atau "membesar menjadi matang," ialah sumber perkataan Inggeris "adolescence" (Zaleha Bte Yaacob, 2010). Kamus Dewan Edisi Baru (1993:1046) mendefinisikan remaja sebagai 'sudah cukup umur atau muda'. Mereka biasanya mengalami kehidupan secara berbeza bergantung pada tempat tinggal mereka dan siapa mereka, yang dipengaruhi oleh budaya mereka sendiri.

Oleh itu, peringkat kehidupan remaja dipenuhi dengan pelbagai kesukaran dan ketenangan mental. Pada usia ini, remaja lebih cenderung dan terdedah untuk menyertai kumpulan sosial yang mempunyai pelbagai gelaran dan bentuk seperti gang, klik dan sebagainya (Asmah Bee 1999:44). Tambahan itu, remaja ialah golongan yang berumur antara 12 dan 13 tahun dan dalam lingkungan awal 20-an. Perubahan yang berlaku termasuk perubahan ketara dalam semua aspek perkembangan mereka, termasuk fizikal, kognitif, personaliti, dan sosial (Gunarsa, 2006:196). Piaget (dalam Hurlock) menyatakan bahawa remaja ialah usia di mana orang berinteraksi dengan masyarakat dewasa secara mental iaitu usia di mana anak muda tidak lagi merasakan hubungan dengan orang yang lebih tua kecuali pada tahap yang sama sekurang-kurangnya dalam masalah hak."

5) Perspektif Islam

Seperti yang dinyatakan oleh para pakar dan ulama dalam Islam, pandangan Islam ialah yang diterangkan dalam kitab yang dikenali sebagai Al-Quran dan as-Sunnah. Islam memberi penekanan yang kuat kepada komponen pertumbuhan manusia yang merangkumi persekitaran fizikal, rohani, sosial, dan budaya. Sehubungan dengan itu, Islam memandang manusia sebagai tapak sebenar aktiviti pembangunan, bersama-sama dengan komponen material modal, buruh, organisasi, pendidikan, dan kemahiran, serta unsur-unsur lain seperti sikap dan insentif yang bertindak sebagai tunjang untuk meluaskan lagi definisi ekonomi pembangunan dalam Islam (Nor Sahida Mohamad, Sanep Ahmad, 2013).

6.0 Pengaruh Aplikasi Tiktok Terhadap Kehidupan Sosial Remaja

1. Kesan Positif

Penggunaan aplikasi Tiktok bukan sahaja dijadikan sebagai medium hiburan semata-mata tetapi ia juga mempunyai kandungan video positif yang dapat dijadikan motivasi dan pembelajaran terhadap penggunaannya. Kandungan Tiktok dapat mengubah pemikiran remaja

bergantung apa yang didapati dengan video tontonannya. Menurut Sufiana Rahman (2022), kandungan video boleh mempengaruhi kesan yang baik mahupun buruk kepada penggunanya jika disaksikan secara berterusan. Jadi, tidak dinafikan lagi bahawa perilaku remaja banyak yang terpengaruh oleh video TikTok dengan cara yang berbeza-beza. Oleh itu, aplikasi TikTok dapat didapati dengan tujuan yang positif dan negatif dalam kehidupan sosial remaja berdasarkan apa yang diambil dari video tersebut.

Antara kesan positif adalah mereka dapat menambahkan maklumat dan ilmu pengetahuan dalam kehidupan. Aplikasi TikTok memudahkan seseorang untuk mendapatkan maklumat dengan mudah dan luas terutamanya melibatkan pembelajaran. Hal ini akan memberi banyak manfaat kepada golongan remaja yang hanya perlu menulis tajuk yang dikehendaki dan didapati carian dengan cepat. Tidak hanya mengenai pembelajaran sahaja tetapi video-video berkaitan agama juga dapat didapati di aplikasi TikTok. Kini, banyak pendakwah menggunakan aplikasi TikTok sebagai satu peluang yang besar dalam menyampaikan dakwah dengan bentuk yang kreatif dan mudah untuk difahami. Pendekatan dakwah sangat penting untuk disebarkan dalam aplikasi TikTok kepada golongan remaja terutamanya mereka yang tidak mempunyai latar belakang agama yang kukuh (Qayyim Khaidir, 2022). Jadi, aplikasi TikTok dapat menarik ramai orang dalam menyampaikan ilmu agama dan berdakwah secara berkesan. Hal ini akan menjadi ikutan yang baik untuk berkongsi video yang bermanfaat dalam media sosial. Dengan itu juga, mereka dapat mempelajari sesuatu perkara yang baharu dari kandungan video pendek yang disampaikan sekaligus dapat membentuk akhlak remaja dengan baik dalam mempengaruhi kehidupan sosial.

Seterusnya, meningkatkan kepercayaan diri dalam menghasilkan video merupakan satu kesan positif yang dapat diambil daripada kehidupan remaja. Hal ini kerana dalam pembuatan satu video memerlukan keyakinan yang tinggi untuk ditonton di khalayak ramai lebih-lebih lagi TikTok merupakan aplikasi yang sangat popular dan digemari dari semua lapisan masyarakat. Menurut Dwi Putri Robiatul Adawiyah (2020), keyakinan diri adalah kepercayaan terhadap kemampuan sendiri dan penilaian diri untuk melaksanakan sesuatu tugas dan mencari keberkesanan cara yang diperlukan. Jadi, kepercayaan diri boleh mengasahkan bakat seseorang dalam membentuk jati diri untuk mempunyai sikap keberanian dalam mengeksperasikan diri dalam aplikasi TikTok. Sebagai contoh melalui TikTok, remaja yang terlibat dalam urusan perniagaan dapat mempromosikan barang jualannya dengan pelbagai teknik pemasaran. Walaupun begitu, keyakinan diri juga tidak perlu melebihi sehingga merosakkan harga diri dan jauh dari landasan Islam. Selain itu, aplikasi TikTok juga dapat membantu perkembangan remaja untuk meningkatkan kepercayaan diri dalam berkomunikasi walaupun ia hanya sekadar dalam talian sahaja tetapi mereka dapat menghubungkan silaturrahim dengan pelbagai masyarakat.

Akhir sekali, aplikasi TikTok dapat menambahkan kenalan baru dengan orang ramai. Kehadiran aplikasi ini membantu dan memberi peluang kepada remaja untuk berkomunikasi dengan seseorang sama ada melalui komen di video atau mesej secara peribadi (Serli.R, 2021). Hal ini kerana aplikasi TikTok merupakan jaringan sosial yang luas untuk mengenal seseorang dengan lebih mudah. Islam juga menggalakkan seseorang untuk berkenalan antara satu sama lain. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Hujurat 49:13:

“Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu

di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."⁶⁴

Justeru itu, menurut ayat tersebut dalam menjalinkan hubungan sesama manusia tidak kira bangsa dan agama amatlah digalakkan, akan tetapi batas pergaulan juga perlu dijaga antara lelaki dan perempuan.

Kesimpulannya, aplikasi Tiktok memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial remaja lebih-lebih lagi mereka yang mudah terpengaruh dengan dunia luar. Aplikasi ini boleh dijadikan kesan positif apabila isi kandungannya itu memberi pengajaran dan pelajaran yang membawa kesedaran kepada masyarakat terutama kepada kehidupan sosial remaja, bahkan pengguna atau pembuat video juga boleh menjadikannya sebagai medium untuk berkongsi manfaat. Oleh itu, Tiktok juga boleh diambil dengan pengaruh yang positif apabila mengetahui cara penggunaannya dengan betul dan tidak digunakan secara berlebihan.

2. Kesan negatif

Penggunaan TikTok di kalangan masyarakat sebenarnya banyak mengundang pro dan kontra. Selain pengaruh positif TikTok juga pastinya terdapat pengaruh negatif bagi penggunaannya. Penggunaan aplikasi secara berlebihan akan membawa pengaruh buruk bagi individu yang berfokus terhadap aplikasi tersebut terutama remaja. Hal ini kerana ia ibarat konten racun yang diminati oleh remaja yang menurutnya bagus.

Antaranya ialah TikTok mampu melemahkan perkembangan mental dan fizikal pengguna kerana ketagihan dalam menggunakan TikTok. Menurut Psikologi Herna Arianti menyatakan bahawa TikTok dapat mengganggu perkembangan psikologi remaja dan juga membuang masa sehingga boleh menjadikan remaja tidak mempunyai kesempatan pada dirinya untuk mempelajari pengalaman baru (Serli. R., 2021). Sedangkan dalam al-Qur'an telah dijelaskan untuk memanfaatkan waktu dengan baik, sebagaimana dalam firman Allah swt dalam surah al-Asr ayat 1-3⁶⁵:

"Demi masa, sesungguhnya manusia benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta saling menasihati untuk kebenaran dan kesabaran."

Daripada firman Allah ini, kita dapat melihat masa itu sangatlah penting dan rugi bagi manusia apabila tidak memanfaatkan waktunya dengan baik kerana banyak pembelajaran yang dapat diambil jika manusia memanfaatkan masa dengan sebaiknya. Sebagaimana dijelaskan bahawa Tiktok dapat membuat pengguna ketagihan sehingga melupakan kewajipan. Contohnya, seorang pelajar melupakan kewajipan apabila terlalu menggunakan tiktok tanpa membatasi waktu sehingga mempengaruhi perkembangan fizikalnya.

Seterusnya, perkembangan moral remaja boleh terganggu kerana kebanyakan para remaja masa kini mengejar populariti sehingga mereka tidak mempertimbangkan tingkah laku dan penampilan mereka. Contohnya, mereka memakai baju-baju seksi, berjoget dengan gerakan yang tidak baik dan terlihat erotis yang bahkan dijadikan sebuah trend. Padahal di dalam alquran sudah dinyatakan adab berpakaian sebagaimana dalam firman Allah swt dalam surah an-Nur ayat 31⁶⁶:

⁶⁴ Surah Al-Hujurat, 49:13

⁶⁵ Surah al-Isra ayat 1-3

⁶⁶ Surah an-Nur ayat 31.

“Katakanlah kepada wanita yang beriman: “janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak dari padanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, atau ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putera-putera suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita Islam, atau hamba-hamba yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita””

Ayat di atas ditujukan kepada wanita-wanita mukmin agar menutup auratnya secara sempurna dan tidak menampakan bahagian tubuh yang mampu merangsang lelaki-lelaki yang bukan muhrimnya. Wanita hanya boleh menampakkan perhiasan kepada suami mereka sebagaimana yang disebutkan di dalam ayat Al-Quran. Terdapat juga larangan seorang wanita mukmin untuk tidak melakukan perbuatan yang dapat menarik perhatian lelaki akan tetapi pada kenyataannya, kebanyakan mereka adalah pengguna TikTok yang suka berjoget bahkan dengan gerakan tidak sepatutnya dilakukan. Selain itu, mereka juga turut menggunakan pakaian yang terbuka dan ketat sehingga menarik perhatian lelaki dan ingin mendapatkan kepujian dan komen yang banyak. Tanpa disedari, perbuatan tersebut menjadi dosa jariah yang akan terus mengalir apabila seseorang melihat videonya kerana sistem TikTok itu mudah tersebar ke seluruh dunia.

Akhir sekali, moral dan perilaku pengguna TikTok lebih dekat dengan seks atau pornografi sehingga menyimpang dari nilai-nilai atau norma-norma dalam ajaran Islam. Para remaja juga banyak meniru tindakan yang tidak serasi dengan hukum atau kaedah Islam (Nabila Ghaisani, 2021). Gerakan yang diperlihatkan oleh remaja muslimah semakin lama tidak mempunyai rasa malu. Sedangkan sifat yang perlu dimiliki seorang wanita adalah sifat malu. Lembaga Fatwa Mesir (Dar al-ifta al-Mishriyyah) dikutip oleh Ibrahim Musa menjelaskan bahawa TikTok tidak diperbolehkan apabila melanggar ketentuan agama. Dalam Islam juga boleh menghiburkan diri selama hal itu tidak berlebihan dan sesuai dengan syariat Islam (Serli. R. ,2021). Tambahan pula, memicu untuk melakukan perilaku buruk adalah salah satu pengaruh negatif anak remaja masa kini. Demi mendapatkan ketenangan dan perhatian, sebahagian pengguna TikTok melakukan perilaku buruk, seperti berkata kasar, menyebarkan fitnah, menyebarkan ujaran kebencian dan yang lainnya. Walhal terdapat filter yang kurang baik dalam aplikasi ini menyebabkan video tersebut boleh dilihat sesiapa sahaja termasuk kanak-kanak yang belum membezakan baik dan buruk. Jika perilaku buruk ini diteruskan maka ia akan menjadi normal bagi mereka.

Kesimpulannya, aplikasi TikTok boleh memberikan pengaruh yang negatif kepada generasi akan datang jika diabaikan dan tidak dibendung dengan sebaiknya. Hal ini kerana, TikTok merupakan aplikasi yang banyak menjadi tontonan orang ramai untuk mengisi masa lapang. Jadi, dari segi penggunaannya perlulah bijak menggunakannya iaitu mempunyai batasan masa yang terhad dan tidak melakukan perkara yang mengundang unsur negatif. Dengan itu, ia dapat mengelakkan diri daripada ketagihan yang melampau dan merosakkan kehidupan sosial seseorang dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah khususnya kepada remaja pada masa kini.

3. Aplikasi TikTok menurut Perspektif Islam.

Media sosial merupakan aplikasi yang banyak digunakan pada masa kini. Antara aplikasi yang sedang ramai digunakan di kalangan remaja adalah aplikasi TikTok. Terdapat beberapa

pandangan Islam mengenai penggunaan aplikasi TikTok ini iaitu sama ada membawa kepada kebaikan ataupun keburukan. Hal ini dapat dilihat daripada setiap tingkah laku remaja selepas menggunakan aplikasi TikTok dan mereka menjadikan setiap konten yang ditonton itu sebagai panduan dalam kehidupan seharian. TikTok memiliki banyak video konten yang positif dan negatif iaitu dapat mempengaruhi setiap perilaku remaja itu sendiri.

Terdapat beberapa ulama mengatakan hukum bermain aplikasi TikTok adalah haram jika konten yang dilakukan itu memperlihatkan aurat dan berjoget sehingga dapat menimbulkan hawa nafsu lelaki. Hal ini dapat diperkuatkan daripada surah An-Nur ayat 31 dalam Al-Quran :

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ بَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَخْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۗ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولَىٰ الْإِرْتِبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَىٰ عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ۗ وَلَا يُضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ ۗ وَتَوَوُّؤًا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ(31)

Maksudnya: “Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) nampak pada mereka”.

Ayat ini menegaskan supaya tidak menampakkan perhiasan wanita kecuali yang boleh dilihat adalah lelaki mahram (Sufiana Rahman, Syafira Amalia Nur Jannah, Syifa Nur Alifah, Usup Romli, 2022). Oleh itu, nilai daripada ayat ini menekankan ketika seseorang itu menggunakan aplikasi TikTok khususnya wanita supaya menjaga dan tidak menampakkan aurat diri kepada lelaki ajnabi.

Islam tidak menghalang hiburan tetapi perlu berwaspada bahawa Islam tidak membuka ruang untuk mendapatkan hiburan berlebihan sehingga tidak mempunyai batasan dan bercanggah dengan syariat Islam. Dalam buku Al-Halal Wa al-Haram Fil Islam daripada Yusuf Al-Qardhawi menjelaskan tentang hukum bermain dalam Islam dengan terjemahannya: “Terdapat beberapa jenis permainan dan seni hiburan yang disyariatkan Rasulullah S.A.W, untuk umat Islam yang memberikan kegembiraan dan hiburan kepada mereka. Di mana hiburan sendiri memberi persediaan diri untuk menghadapi ibadah dan melaksanakan kewajipan serta membawa lebih banyak ketangkasan dan keinginan. Kebanyakan hiburan ini berbentuk latihan yang boleh mendidik mereka menjadi manusia yang kuat semangat untuk maju ke medan jihad fi sabilillah”

. Daripada ayat di atas menerangkan bahawa Rasulullah sendiri telah mengajar umatnya bermain permainan yang disyariatkan oleh Islam. Jika melihat permainan yang sering dimainkan oleh wanita Islam sekarang, nampaknya mereka banyak bermain TikTok iaitu aplikasi yang mendatangkan lebih banyak mudharat daripada manfaat (Dewi Indriani, 2016).

Selain itu, dalam menggunakan aplikasi tiktok sebagai medium dakwah adalah perkara yang dibenarkan kerana tidak melanggar syariat Islam iaitu dengan menyebarkan ilmu yang bermanfaat untuk mengajak seseorang ke arah kebaikan dan mencegah seseorang itu ke arah kemungkaran (Dewi Indriani, 2022). Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Imran ayat 104:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

(104)

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang makruf, dan melarang daripada segala yang mungkar (buruk dan keji). Dan mereka yang demikian itulah orang-orang yang menang”.

Berdasarkan ayat ini, pelbagai kandungan video dakwah yang perlu disebar melalui aplikasi TikTok sama ada ia berbentuk ceramah atau pun teks agar ilmu yang disampaikan itu boleh memberi manfaat dan peringatan kepada orang ramai supaya terhindar dengan perkara yang tak diinginkan. Tambahan lagi, ilmu itu juga boleh membawa kepada pahala jariyah jika tontonannya dapat dirasai di dalam hati dan jiwa seseorang ke arah kebaikan. Namun, apa yang disebar itu juga perlu diteliti dan dinilai ketepatan berdasarkan Al-Quran dan Hadis bagi mengelakkan keraguan kepada masyarakat (Muhammad Qayyim bin Khaidir, Khazri Osman, 2022).

Kesimpulannya, setiap hiburan dibolehkan tetapi perlu mengikuti hukum syarak Islam. Oleh itu, syariat Islam perlu diambil berat dalam semua perkara serta dapat mempengaruhi orang lain dengan kebaikan dan juga manfaat dalam kehidupan. Jadi, penjagaan aurat perlulah dijaga supaya dapat mengelakkan daripada fitnah dan zina. Justeru, seorang Muslim haruslah memberi contoh yang baik dan menjadi orang yang dapat memberi manfaat kepada orang lain terutamanya di media sosial.

7.0 Kesimpulan

Penggunaan TikTok pada masa kini sangat membantu dalam berkomunikasi dan mendapatkan maklumat bahkan ia juga dijadikan hiburan untuk menghilangkan rasa stress dalam kehidupan masyarakat tanpa mengira batas umur. Walaupun begitu, seseorang itu perlu bijak dalam menggunakannya sama ada diambil dari perkara baik ataupun buruk. Selain itu, aplikasi TikTok memberi kesan yang positif kerana ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan, meningkatkan kepercayaan diri dan dapat menambahkan kenalan baru. Namun begitu, jika sebaliknya ia akan menimbulkan kesan negatif dalam kehidupan seharian seperti mampu melemahkan perkembangan mental dan fizikal, mengganggu perkembangan moral remaja dan boleh mendekati diri dengan unsur seks atau pornografi. Aplikasi TikTok dapat mengubah perilaku seseorang bergantung dengan cara mereka menggunakan aplikasi tersebut. Justeru itu, penggunaan aplikasi TikTok perlu digunakan dengan kandungan yang terbatas sahaja tanpa memuatkan video yang tidak sepatutnya menjadi tontonan umum. Aplikasi ini perlu digunakan sebaiknya iaitu mendapat penjagaan dan pengawasan daripada masyarakat persekitaran khususnya ibu bapa supaya tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan dalam kehidupan sosial anak-anak. Sebagai seorang muslim, sudah semestinya perlu berpegang dengan syariat Islam dan tidak terpengaruh dengan trend-trend luar yang merosakkan pemikiran diri dan orang sekeliling.

Rujukan

Surah Al-Hujurat, 49:13

Surah Al-Isra ayat 1-3

Surah An-Nur ayat 31

Surah Al-Imran ayat 104

Agis, Dwi Prakoso (2021) Penggunaan Aplikasi Tik Tok Dan Efeknya Terhadap Perilaku Keagamaan Remaja Islam Di Kelurahan Waydadi Baru Kecamatan Sukarame. Undergraduate thesis, *Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung*.

Dewi Indriani (2022) Pandangan Ulama Kontemporer Tentang Hukum Bermain TikTok Bagi Perempuan Muslimah (Analisis Undang-Undang No 19 Tahun 2016, Perubahan Atas Undang-Undang No 11 Tahun 2008 Tentang Informasi dan Transaksi Elektronik), *Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan*. Halaman 110 & 115

Dwi Putri Robiatul Adawiyah (2020). Pengaruh Penggunaan Aplikasi TikTok Terhadap Kepercayaan Diri Remaja di Kabupaten Sampang. *Jurnal Komunikasi*, 14(2), 135-148, Halaman 136

Fauzan, Ahmad (2021) Dampak Aplikasi Tik Tok Pada Interaksi Sosial Remaja “Studi Di Kecamatan Gambut Kabupaten Banjar “. Diploma thesis, *Universitas Islam Kalimantan MAB*.

Fredrick Gerhad. (2018). Pengaruh Penggunaan Aplikasi Tik-Tok Terhadap Perilaku Anak. Halaman 2 &7.

Hasmah Binti Ibrahlim (2014), Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Kecemerlangan Akademik Pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan Serta Pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik Di UTHM, *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.

Muhammad Qayyim bin Khaidir, Khazri Osman (2022), Dakwah Melalui Media (Aplikasi TikTok). *Universiti Kebangsaan Malaysia*. Halaman 6 & 7.

Nabila Ghaisani. (2021). Pengaruh Penggunaan Media Sosial Tik Tok Terhadap Perilaku Keagamaan Remaja Di Kecamatan Blangkejeren. *Jurnal An-Nadwah* : Halaman 9.

Nadila Trisukma Devi, Yohana Wuri Satrika.(2022). STUDI Fenomenologi : Dampak Aplikasi TikTok Terhadap Remaja Akhir Shopee Affiliate. *Fakultas Islam Pendidikan, UNESA*. Halaman 209

Nor Sahida Mohamad, Sanep Ahmad. (2013). Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan. *Universiti Kebangsaan Malaysia*.

Nuning Indah Pratiwi. (2021). Analisis Penggunaan Aplikasi Tik Tok Pada Remaja Di Denpasar Saat Pandemi. *Universiti Pendidikan Nasional*. Halaman 44 &47.

Poerwanti Hadi Pratiwi. *Kehidupan Sosial Manusia*. Halaman 1

Serli. R. (2021). TikTok Dalam Kajian Al-Qur’an (Studi Kasus Perilaku Pengguna TikTok Di Kota Palopo). Halaman 24,25, 35 & 33.

Shazrin Daniyah Khansa. (2022). Pengaruh Sosial Media TikTok Terhadap Gaya Hidup Remaja. *Jurnal Ilmu Komunikasi*. Halaman 34.

Sufiana Rahman, Syafira Amalia Nur Jannah, Syifa Nur Alifah, Usup Romli,(2022) Motivasi Pengguna Aplikasi TikTok dalam Pandangan Islam, *Universitas Pendidikan Indonesia*, Halaman 6 & 9

Takum Abdul Rohim. *Arti Kehidupan Sosial Remaja*.

Tuty Mutiah, Marlina Rahmi Shinta. (2022). Gaya Hidup Remaja Melalui Sosial Media TikTok. *Jurnal Media Penyiaran*. Halaman 53.

Zaleha Bte Yaacob. (2010). Pengaruh Keganasan Dalam Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Remaja, *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.

Zidah A. Rizqillah & Akhiyat (2021). TikTokers: Pembinaan Identiti Mahasiswa UIN KHAS Jember. *Advanced in Humanities and Contemporary Studies*. Halaman 109.